



19 Mei 2022 (Khamis), 3:00 petang ke 4:30 petang

CPD Perintis **Live**

1 Mata CPD

# Jenayah / Gangguan Seksual dan Undang-Undang yang Relevan

Webinar ini akan mengupas undang-undang yang relevan berkenaan topik ini serta prinsip undang-undang dalam kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v Asmah Hj Mohd Nor [2016] 6 CLJ 346*.

 Ahli-ahli Badan Peguam Malaysia | RM20  
Pelatih Dalam Kamar | RM10  
Bukan Ahli | RM60



NOR ZABETHA BT MUHAMAD NOR

Setelah pengesahan dan bukti pembayaran diterima, pautan ke webinar CPD Perintis Live akan dihantar melalui e-mel kepada peserta yang berdaftar. Pendaftaran akan ditutup pada jam **3:00 petang, 18 Mei 2022 (Rabu)**.

**Tiada** pendaftaran tambahan akan diterima setelah tarikh tutup, atau jika webinar CPD Perintis Live telah penuh.

Jabatan CPD mungkin tidak membenarkan pendaftaran di masa depan jika anda gagal menghadiri webinar CPD Perintis Live setelah mendaftar kecuali anda memberikan alasan yang boleh diterima dan sah.



**DAFTAR  
SEKARANG**

Masih ada di kalangan masyarakat yang kurang jelas tentang skop berkaitan jenayah / gangguan seksual, sehingga ada yang menyangka bahawa perbuatan seksual hanya melibatkan sesuatu perbuatan yang dahsyat. Tidak ramai sebenarnya yang mengetahui bahawa ungkapan kata-kata dan gerak isyarat juga adalah antara elemen yang boleh disabitkan sebagai kesalahan jenayah / gangguan seksual.

Perkembangan terkini dalam undang-undang seperti penggubalan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah memperkenalkan skop baru berkaitan dengan gangguan seksual, sekaligus memberikan perlindungan yang lebih ketat kepada kanak-kanak.

Kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v Asmah Hj Mohd Nor* [2016] 6 CLJ 346 juga telah memperkenalkan tuntutan ganti rugi “*tort of sexual harassment*” ke dalam sistem keadilan negara, sekaligus memberikan hak kepada mangsa bagi menuntut kerugian yang dialami.

Webinar ini akan mengupas undang-undang yang relevan berkenaan topik ini serta prinsip undang-undang dalam kes *Mohd Ridzwan Abdul Razak v Asmah Hj Mohd Nor* [2016] 6 CLJ 346.

## Penceramah



**Nor Zabetha bt Muhamad Nor** berkelulusan LLB (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 2008 dan kemudiannya diterima sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2009. Beliau kini beramal di Tetuan Nor Zabetha Chinna & Co.

Nor Zabetha memupuk minatnya dalam mendidik orang ramai tentang undang-undang dan isu-isu berkaitan sejak tahun 2016 dengan menulis artikel-artikel berkaitan isu semasa dan perundangan.

Beliau telah dijemput untuk memberi pandangan dan ceramah mengenai hal undang-undang di institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan kerajaan dan juga pelbagai saluran media seperti Bernama, Astro Awani, New Straits Times, The Malay Mail, The Sun Daily, Malaysiakini, Harian Metro, dan Sinar Harian.

Nor Zabetha memberi nasihat undang-undang dan berusaha untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang topik-topik seperti kesalahan kecil, penderaan dan keganasan rumah tangga, fitnah, gangguan seksual, hak kanak-kanak dan sebagainya dengan tumpuan yang sewajarnya terhadap isu-isu semasa. Ini membolehkan masyarakat mendapat manfaat dan memahami apa itu undang-undang dan bagaimana undang-undang berfungsi untuk melindungi mereka.

Nor Zabetha turut aktif dalam mendidik dan menggalakkan penyertaan golongan muda di dalam arena undang-undang. Beliau berhasrat untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan menegakkan integriti pentadbiran undang-undang di Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi: [cpd.events@malaysianbar.org.my](mailto:cpd.events@malaysianbar.org.my).



**CPD** BAR COUNCIL  
MALAYSIA

REFINING SKILLS

Diterbitkan oleh:

**Murshidah Mustafa, Jaspal Singh Gill dan Richard Wee Thiam Seng**  
**Pengerusi Bersama,**  
**Professional Standards and Development Committee**

**CPD Live**

# A Step-By-Step Guide to Join CPD Live via Zoom

CPD Live is an initiative by the Bar Council during the Movement Control Order.

Continue learning even while at home. We're here to inspire you, connect with you and learn with you. This guide will show you how to join the CPD Live smoothly.

## 01

### For seamless streaming, download the Zoom app.



You will be given a webinar ID and a password to join CPD Live once your registration has been confirmed.

## 02

### Log in to Zoom, and provide your username.

For Members of the Bar or pupils in chambers, use the format below for identification purposes when prompted: **Full name (as per NRIC) | Bar Council membership number or petition number.**

For non-Members, provide your full name only.

## 03

### Set up your space.



Find a spot which is comfortable and free from background noises. You may use an earpiece with microphone for clarity. Having a strong internet connection is equally important.

## 04

### Please raise your questions only during the Question-and-Answer session.

Please take note that no speaking is allowed when CPD Live is taking place.

If you wish to raise a question, please type in the Q&A box and the speaker will respond accordingly.

## 05

### Please do not do these



Sharing screen recording and webinar ID and password links, and reproducing the content of the CPD Live session on any platform.

Any unregistered person may be removed without prior notice and no CPD point will be awarded. Failure to adhere to this may result in disciplinary action by the Bar Council.

**CPD Live**